



ANALISIS MAKNA DENOTATIF DAN KONOTATIF DALAM TEKS SINDIR BADAN

(Analysis of Denotative and Connotative Meanings in Body Shaming Texts)

Nurul Hazanah Haji Morsidi¹
Zanah.morsidi@gmail.com

Mardina Hj Mahadi²  
Mardina.mahadi@ubd.edu.bn

Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tungku Link, Gadong BE1410, Brunei Darussalam.^{1&2}

Pengarang Koresponden (*Coressponding Author*):¹

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Nurul Hazanah Haji Morsidi & Mardina Hj Mahadi. (2024). Analisis makna denotatif dan konotatif dalam teks sindir badan. *Jurnal Bahasa*, 24(2), 355–384. [https://doi.org/10.37052/jb24\(2\)no7](https://doi.org/10.37052/jb24(2)no7)

Peroleh: Received:	24/6/2024	Semakan: Revised	26/9/2024	Terima: Accepted:	15/11/2024	Terbit dalam talian: Published online:	27/11/2024
-----------------------	-----------	---------------------	-----------	----------------------	------------	---	------------

Abstrak

Pengkaji menganalisis makna denotatif dan konotatif dalam teks sindir badan di Negara Brunei Darussalam. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti, mengkategorikan dan membandingkan makna denotatif dan konotatif dalam teks sindir badan. Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif kualitatif dan kuantitatif. Kajian ini juga dilakukan secara beberingkat, iaitu mengikut langkah tertentu. Data teks sindir badan diambil daripada aplikasi media sosial, iaitu Instagram daripada akaun yang bernama @natartsya. Persoalan utama dalam kajian ini ialah cara membezakan antara makna denotatif dengan makna konotatif dengan berlandaskan Teori Segi Tiga Semiotik oleh Ogden dan Richard. Hasil Kajian mendapati bahawa teks sindir badan ini lebih banyak menggunakan makna konotatif berbanding dengan makna denotatif. Deskripsi dan huraian makna konotatif yang wujud disebabkan oleh imaginasi dan khayalan

penutur menyebabkan makna konotatif berfungsi sebagai makna kiasan atau figuratif ketika menyindir supaya lebih sopan apabila berkomunikasi. Implikasi daripada hal ini ialah makna yang ingin disampaikan kadangkala tidak sampai kepada penerimanya. Kajian ini bukan sahaja dapat memberikan manfaat kepada pengkaji akan datang yang ingin menambah baik atau mengembangkan bidang semantik, malah dapat memberikan manfaat kepada masyarakat di Negara Brunei Darussalam tentang isu terkini yang dapat dikaji pengisiannya dan menyebarkan kesedaran tentang isu sindir badan secara tidak langsung.

Kata kunci: Sindir badan, denotatif, konotatif, Teori Segi Tiga Semiotik, konsep, simbol dan rujukan

Abstract

The researcher analyzes the denotative and connotative meanings in body shaming texts in Brunei Darussalam. The objective of this study is to identify, categorize, and compare the denotative and connotative meanings in body shaming texts. The study used qualitative and quantitative descriptive methods, and was carried out in stages, that is, according to certain steps. The data of body shaming texts were taken from the social media application Instagram, from an account named @natartsya. The main question in this study is how to distinguish between denotative and connotative meaning based on the Semiotic Triangle theory by Ogden and Richard. The results of the study found that body shaming texts contain more connotative than denotative meaning. The description and explanation of the connotative meaning exists due to the speaker's imagination, which causes the connotative meaning to function as sarcasm or a figurative in order to be more polite when communicating. The implication of this is that the intended meaning sometimes does not reach the recipient. This study can not only benefit future researchers who want to improve or develop the field of semantics, but also benefit the community in Brunei Darussalam about the latest issues that can be studied as well as to indirectly spread awareness about the issue of body shaming.

Keywords: Body shaming, denotative, connotative, Semiotic Triangle theory, concept, referent and symbol

PENDAHULUAN

Bahasa merupakan alat penting dalam komunikasi sesama manusia yang berhubung rapat dengan budaya sesuatu bangsa di dunia ini. Terdapat dua cara untuk berkomunikasi sesama manusia, iaitu secara lisan atau tulisan. Sesuatu bentuk kata yang diujarkan dengan benda yang dirujuk kadang-kadang kelihatan tidak mempunyai hubungan dengan benda tersebut. Menurut Abdul Chaer (2013:32), bahasa ialah alat komunikasi yang terdiri daripada sistem lambang bunyi yang dihasilkan oleh alat ucap manusia. Bahasa juga merupakan sistem lambang bunyi yang arbitrari yang digunakan oleh anggota satu-satu masyarakat untuk bekerjasama, berinteraksi dan memperkenalkan diri.

Setiap pertuturan yang diujarkan mengandungi makna di balik kata tersebut, sama ada secara langsung atau tidak langsung, terutamanya ketika membuat kritikan dan ejekan terhadap seseorang. Mesej yang disampaikan dan diterima dalam perbualan atau teks biasanya berhubung kait dengan apa-apa yang diperkatakan (peringkat semantik) dan apa-apa yang diterima dan diimplikasikan (peringkat pragmatik). Rina Devianty (2017) dalam kajiannya menyatakan bahawa kemahiran berbahasa dan berfikir dapat dilatih supaya fungsi bahasa lebih berkesan.

Menurut Muhammad Hasbullah Ridwan (2021), melalui bahasa, manusia dapat menyampaikan pendapat, perasaan dan maksud tertentu kepada orang lain yang kadangkala, kata yang diujarkan sukar difahami kerana mengandungi makna implisit dan makna lain. Tambahan lagi, kata yang diujarkan tidak seiring dengan kata yang diluahkan. Namun begitu, kata ini dapat difahami oleh orang lain. Hal ini dikatakan demikian kerana manusia juga memahami sesuatu kata dengan bantuan konteks.

Sindir Badan

Dalam Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), sindir badan (SB) ialah istilah sasar bagi *body shaming* yang bermaksud kritikan terhadap seseorang berdasarkan bentuk, saiz atau rupa tubuhnya. Sindir badan ialah cacian atau kritikan terhadap bentuk tubuh seseorang. Imej badan yang negatif menjadi topik perdebatan hangat dalam kalangan lelaki dan wanita pada semua peringkat umur sejak abad keenam (Eco, 2004). Sindir badan sering diungkapkan dalam kehidupan seharian tanpa disedari, lebih-lebih lagi pada era penggunaan media sosial. Masih banyak orang yang belum memahami maksud sebenar SB dan kesannya terhadap kesihatan mental seseorang.

Setiap orang dilahirkan dengan rupa paras, bentuk badan, warna kulit, saiz dan fizikal yang berlainan. Namun begitu, di balik kepelbagaian dan perbezaan ini, terdapat sesetengah orang yang menggunakannya sebagai bahan jenaka atau cacian untuk kepuasan diri masing-masing. Ada sesetengah orang yang secara mudah membuat penegasan dengan menyalahgunakan istilah, ungkapan atau pernyataan berunsur penghinaan secara sengaja atau secara langsung. Tuti Mariana Damanik (2018) menyatakan bahawa SB ialah perasaan malu yang muncul apabila fitur tubuh atau imej tubuh badan seseorang tidak menepati jangkauan individu berkenaan, iaitu penampilan fizikal yang ideal. Tahap penerimaan penampilan mana-mana individu oleh mana-mana komuniti berbeza-beza bergantung pada pemahaman tentang kesan SB.

Menurut Surya Ananda Fitriana (2019) dan Tri Fajariani Fauzia (2019) dalam kajiannya, SB ialah tindakan memberikan komen atau mencela dan mengeluarkan pendapat terhadap seseorang atau diri sendiri mengenai tubuh yang dimiliki dan kepada individu lain yang tidak mempunyai bentuk tubuh badan yang ideal. Sindir badan menerangkan kekurangan fizikal orang lain tanpa batas. Walaupun bukan sentuhan fizikal yang berbahaya, aktiviti SB termasuk dalam jenis buli secara lisan. Dalam komunikasi seharian, sering diselitkan jenaka yang berakhir dengan SB. Penggunaan SB dapat menyebabkan seseorang itu berasa lebih tidak selamat dan tidak selesa tentang penampilannya dan mula mengasingkan diri daripada sekitaran dan orang ramai. Hal ini dapat diklasifikasikan dan dianalisis dengan menggunakan bidang semantik, iaitu menganalisis makna denotatif dan konotatif hasil daripada kata-kata penutur atau teks agar pendengar dan pembaca dapat memahaminya sebagaimana yang dijangkakan oleh penutur.

Makna Denotatif

Manusia berinteraksi menggunakan bahasa untuk memahami dan berkomunikasi antara satu dengan lain. Bahasa terbahagi kepada dua bahagian, iaitu bahasa literal dan bahasa metafora. Bahasa literal menyatakan makna sebenar bagi kata yang digunakan. Hal ini dikenali sebagai denotatif (Santje Iroth & Olivia Sasioba Wote, 2023).

Makna denotatif bermaksud erti sebenar bagi sesuatu kata yang boleh didapati maknanya dalam kamus. Tambahan pula, makna denotatif merupakan makna asli dan makna yang dimiliki oleh sesebuah leksem (Tamia Rindi Antika et al., 2020).

Makna Konotatif

Makna konotatif ialah makna yang menimbulkan makna lain daripada makna harfiah apabila dikaitkan dengan situasi dan keadaan tertentu. Menurut Binkert (2003), makna konotatif ialah makna yang menimbulkan pengertian yang berlainan. Makna konotatif dan makna denotatif saling terhubung antara satu dengan lain (Merry Lahama, 2017). Bagi Wardhaugh (1977) pula, makna konotatif ialah penggunaan kata untuk merumitkan teori tentang makna, terutamanya penggunaannya dalam bahasa metafora dan puisi.

Tambahan pula, makna konotatif sesuatu kata berbeza-beza dalam sesebuah masyarakat dan disesuaikan dengan pandangan hidup dan penilaian norma masyarakat (Khairunnisa Lubis et al., 2021). Kesimpulannya, makna konotatif ialah makna yang mempunyai peranan dalam kepentingan emosi. Beberapa makna konotatif berkembang kerana penutur ingin menyampaikan sesuatu yang mungkin tidak dapat dinyatakan secara terus terang, sama ada perkara itu menyenangkan atau tidak menyenangkan pendengar.

Instagram

Isu atau curahan hati mengenai SB makin berleluasa, terutamanya selepas kewujudan aplikasi Instagram. Instagram ialah aplikasi yang dapat digunakan menerusi telefon bimbit, komputer riba atau tablet yang membolehkan pengguna memuat naik gambar dan kapsyen (ayat yang disertakan dengan gambar) secara visual yang kemudiannya boleh dikongsi dengan orang lain dalam rangkaian. Instagram diasaskan pada Oktober 2010. Pengkaji memilih platform Instagram sebagai sumber pencarian data kerana jumlah pengguna Instagram yang meningkat pada era yang serba canggih ini.

Manovich (2017) menyatakan bahawa bilangan pengguna Instagram makin meningkat, iaitu daripada 30 juta pada tahun 2012 kepada 300 juta menjelang akhir tahun 2014. Laman sosial ini menjadi saluran yang menguntungkan untuk pengiklanan dan pemasaran. Jumlah pengguna Instagram meningkat daripada 200,000 pengguna pada bulan Februari 2016 kepada satu juta pengguna pada bulan Mac 2017.

Oleh hal yang demikian, dengan kemudahan dan kewujudan teknologi ini, banyak isu terkini yang boleh dikaji dari aspek linguistik. Dalam kajian ini, pengkaji menganalisis makna denotatif dan konotatif teks SB dengan berlandaskan Teori Segi Tiga Semiotik Ogden dan Richards (1923)

untuk melihat cara makna denotatif dan konotatif ini dibandingkan dan diuraikan menerusi pengaplikasian teori ini.

Isu SB bukan baharu dan asing, tetapi jarang-jarang dibincangkan secara meluas di Negara Brunei Darussalam. Makna denotatif dan konotatif dalam teks SB dipilih untuk dianalisis untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan untuk mengetahui makna denotatif dan konotatif bagi mengelakkan salah faham ketika berkomunikasi. Oleh itu, platform media sosial ini dapat menyedarkan masyarakat mengenai isu SB kerana setiap sindiran memberikan kesan yang besar terhadap masyarakat kerana dapat menyebabkan kebimbangan bagi penerimanya, sama ada secara fizikal atau mental. Sindiran sering bersifat jelas dan nyata, tetapi pada masa yang sama, ada juga yang bersifat berlapis kerana mengandungi makna yang berbeza daripada kata yang diujarkan, serta isi penyampaiannya yang sering mempunyai makna konotatif. Kajian tentang SB dari aspek linguistik perlu dilakukan kerana setiap komen atau leksem yang digunakan mengandungi makna yang berbeza-beza sehingga SB ini dapat menyebabkan masalah di sesebuah negara. Sebagai contoh, di Malaysia, SB dikaitkan dengan jenayah buli siber sehingga wujud akta di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Di Indonesia, kes SB dipandang serius dan dilaporkan melalui berita dalam talian, iaitu sebanyak 966 kes ditangani oleh pihak polis sepanjang tahun 2018. Sebanyak 347 kes pula dapat ditangani menerusi hukuman atau perawatan dan perubatan daripada pihak kesihatan untuk mangsa SB.

Banyak kajian telah dilakukan dari aspek psikologi, termasuklah di negara barat. Brewis dan Bruening (2018) mengumpulkan sebanyak 1443 pelajar Arizona State University. Kajian itu dilakukan untuk mengenal pasti kesan SB terhadap tahap kemurungan pelajar universiti tahun pertama (pelajar baharu) dari awal hingga akhir tahun persekolahan, mengenal pasti perbezaannya mengikut status berat badan berlebihan, jantina atau status majoriti/minoriti. Hasil kajian mendapati bahawa SB dapat menyebabkan kemurungan terhadap penuntut di universiti yang berpunca daripada tekanan hidup di universiti, seperti komen daripada teman sendiri.

Di Malaysia, kajian mengenai SB dilakukan oleh Mohd Ab Malek Md Shah et al. (2021). Kajian ini memfokuskan SB dari segi kerangka legislatif Malaysia bagi mengekang jenayah ini daripada terus menular. Pengkaji tersebut melakukan kajian ini untuk meyebarkan kesedaran terhadap isu SB kerana terdapat segelintir masyarakat yang kurang arif tentang jenayah buli ini. Sehubungan dengan itu, didapati bahawa belum ada kajian dilakukan berkenaan isu SB dari aspek linguistik, iaitu dalam

bidang semantik dari aspek makna denotatif dan konotatif di Negara Brunei Darussalam.

Isu SB ini telah menimbulkan persoalan yang memerlukan kajian. Antara persoalan utama yang dikaji termasuklah cara membezakan antara makna denotatif dengan makna konotatif berlandaskan Teori Segi Tiga Semiotik oleh Ogden dan Richards (1923). Objektif kajian ini ialah:

1. Mengenal pasti makna denotatif dan konotatif teks sindir badan.
2. Mengkategorikan makna denotatif dan konotatif teks sindir badan.
3. Membandingkan perbezaan makna denotatif dan konotatif teks sindir badan.

Kajian ini dapat memberikan manfaat secara teoritikal, metodologi dan praktikal. Secara teoritikal, kajian ini dapat memberikan sumbangan terhadap perkembangan ilmu dalam bidang psikologi, sains dan sosiologi dan dapat menjadi perintis bagi pengkaji lain yang ingin meneroka bidang ini dengan lebih mendalam.

Kajian ini dapat dijadikan landasan dan tambahan idea untuk pengkaji yang berminat pada masa akan datang dan untuk menambah baik kekurangan yang terdapat dalam kajian ini. Akhir sekali, secara praktikalnya, hasil kajian ini dapat digunakan oleh pihak kerajaan di Negara Brunei Darussalam, seperti Kementerian Kesihatan atau pihak media, untuk menganjurkan kempen kesedaran tentang adab berkomunikasi agar lebih berhati-hati terhadap sindiran dan kata yang mengandungi pelbagai makna ini supaya tidak mengganggu kesihatan mental seseorang.

KAJIAN LEPAS

Kajian lepas mengenai analisis makna denotatif dan konotatif telah banyak dilakukan, tetapi tidak semua kajian menggunakan Teori Segi Tiga Semiotik oleh Ogden dan Richards (1923) dalam isu SB. Selain itu, didapati bahawa tidak banyak kajian dilakukan dalam ilmu linguistik tentang sindir badan, sebaliknya lebih tertumpu pada aspek psikologi dan sosiologi. Hal ini mendorong pengkaji untuk mengkaji isu sindir badan ini. Beberapa pengkaji lepas menganalisis makna denotatif, makna konotatif dan kajian mengenai sindir badan dari aspek bukan linguistik.

Di Indonesia, Melati Dodo Manting dan Amalia Djuwita (2021) mengkaji makna denotatif dan makna konotatif, serta mitos berlandaskan Teori Semiotik Roland Barthes di balik fenomena sindir badan yang sering berlaku dalam lingkungan sosial yang terdapat dalam filem *Imperfect*.

Pengkaji tersebut menggunakan kaedah kualitatif dan mendapati bahawa makna denotasi dapat dilihat dari segi tindakan dan dialog, manakala makna konotasi mempunyai makna tersirat dalam beberapa dialog, seperti “ibu hamil”. Pengkaji itu juga mendapati bahawa wujudnya mitos, iaitu seorang perempuan seharusnya cantik, langsing dan berkulit putih agar disenangi oleh orang lain.

Seterusnya, Dwi Retno Sari (2019) pula memfokuskan pemahaman dan pendeskripsian petanda dan penanda, serta pesan moral dengan cara menelusuri makna denotatif dan makna konotatif, serta mitos yang terdapat dalam filem pendek. Kaedah yang digunakan ialah kaedah kualitatif, iaitu menghimpunkan data dan menganalisis makna bagi setiap kalimat dengan berlandaskan Teori Semiotika Roland Barthes (1957). Penggunaan teori ini sangat berkesan dan mampu memperlihatkan pesan moral daripada makna denotatif dan konotatif dalam kajian tersebut.

Selanjutnya, Sari Ines Puspita (2017) menghuraikan maksud filem *Beauty and The Beast* dengan melihat pengertian penanda, petanda, makna denotatif, makna konotatif dan mitos dalam filem dan mendedahkan mesej moral yang terkandung dalam filem. Teori yang digunakan ialah Teori Roland Barthes (1957). Pengkaji tersebut mendapati bahawa filem *Beauty and The Beast* memfokuskan mawar. Dalam hal ini, mawar memiliki penanda, iaitu bunga yang banyak kelopak dan terdapat duri pada batangnya; memiliki petanda, iaitu mawar simbol keindahan, ghairah dan cinta, dan memiliki mitos, iaitu mawar simbol yang menentukan kehidupan dan kematian manusia.

Alwafa Shandy Hermawan dan Rini Damayanti (2022) pula mengkaji makna denotatif dan makna konotatif dalam lirik lagu dengan menggunakan Teori Roland Barthes. Pengkaji tersebut mendapati bahawa makna konotatif yang ada pada lagu ini menggambarkan perasaan cinta dan hal yang diinginkan oleh setiap orang yang sedang menjalin hubungan percintaan.

Tamia Rindi Antika et al. (2020) mengenal pasti makna denotasi, makna konotasi dan mitos dalam lagu *Lathi* melalui pendekatan Teori Roland Barthes. Hasil kajian menunjukkan bahawa makna denotasi, makna konotasi dan mitos dalam lagu *Lathi* ini ialah ungkapan perasaan cinta yang menyakitkan, iaitu cinta bukan sentiasa membawa kebaikan, tetapi turut membawa kesengsaraan. Makna konotasi pula mengandungi nasihat agar seseorang itu sentiasa berhati-hati dan sentiasa bersedia kerana manusia sememangnya tidak terhindar daripada masalah. Pengkaji tersebut menggunakan kaedah deskriptif kualitatif, iaitu menghimpunkan dan menganalisis makna setiap kalimat.

Terdapat juga data berbentuk novel yang sering dijadikan kajian denotatif dan konotatif. Contohnya, Aini Nurhayati dan Nuril Jadidah (2022) mendeskripsikan bentuk ujaran makna denotatif dan makna konotatif dalam novel *Dua Barista*. Hasil dapatan menunjukkan bahawa makna denotatif lebih dominan daripada makna konotatif. Hal ini dikatakan demikian kerana novel tersebut banyak menggunakan kata yang mempunyai makna denotatif. Seterusnya, Mary Fatimah Subet dan Muhammad Zaid Daud (2018) menganalisis makna dalam slanga pelacur dengan menggunakan kaedah semantik, iaitu makna denotasi dan konotasi. Dalam kajian itu, makna denotasi dianalisis untuk merungkaikan makna konotasinya, iaitu makna implisit. Penyelidik itu mendapati bahawa terdapat ujaran implisit di balik ujaran eksplisitnya kerana slanga pelacur dianggap lucu dan kesat di tempat awam. Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan andaian umum sahaja.

Terdapat beberapa kajian dari negara barat mengenai isu sindir badan yang dikaji dari aspek psikologi. Contohnya, Martínez-González et al. (2021) menganalisis pendapat dan keputusan wanita yang menghadapi situasi penderaan psikologi, iaitu penghinaan terhadap identiti keibuan dengan anak sebagai saksi, dan sindir badan. Dalam kes sindir badan, didapati bahawa berlaku kemurungan yang dikaitkan dengan reaksi wanita yang menghadapi penderaan psikologi.

Di Malaysia pula, Mimi Sofiah Ahmad Mustafa et al. (2022) mengenal pasti kesan sindir badan ini sebagai satu sikap buruk dalam kalangan masyarakat. Dalam pengutipan data, iaitu melalui penyelidikan perpustakaan dan sumber internet, serta soal selidik melalui tinjauan dalam talian, pengkaji ini mendapati bahawa belia di Malaysia menyedari keburukan aktiviti sindir badan ini. Dapatan daripada kajian ini dapat memberikan amaran kepada badan perundangan, penggubal dasar dan pihak penguat kuasa mengenai keseriusan kesan sindir badan dalam kalangan belia.

Secara kesimpulannya, didapati bahawa kebanyakan kajian lepas mengenai analisis makna dilakukan menggunakan teori Roland Barthes dan pendekatan Leech untuk mengungkapkan makna implisit yang terdapat dalam data kajian masing-masing. Data kajian yang sering dipilih pula terdiri daripada filem, muzik, iklan dan novel. Perbezaan antara kajian yang dilakukan oleh penulis dengan kajian lepas ialah kajian ini akan menggunakan Teori Ogden dan Richards (1923), iaitu Teori Segi Tiga Semiotik dengan pendekatan semantik kognitif dalam menganalisis makna denotatif dan konotatif.

METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kualitatif deskriptif. Menerusi kaedah ini, pengkaji hanya menganalisis data teks dan mencatat mana-mana teks yang berkaitan. Penelitian ini menggunakan dua kaedah, iaitu kaedah deskriptif kualitatif untuk mengetahui makna dalam teks SB di Negara Brunei Darussalam dan kaedah kuantitatif untuk menghitung jumlah kekerapan makna denotatif dan konotatif. Deskriptif ialah cara kajian untuk menggambarkan data secara alamiah dan menghasilkan kaedah kebahasaan secara linguistik (Fatimah Djajasudarma, 2008). Kaedah ini digunakan untuk menjawab soalan tentang fenomena “apa”, “bagaimana” atau “mengapa” (McCusker & Gunaydin, 2014). Kaedah kepustakaan pula digunakan untuk merujuk definisi tertentu.

Reka Bentuk Analisis

Analisis kajian dilakukan secara berperingkat. Bagi peringkat pertama, proses pengumpulan data dilakukan melalui penganalisan dan penilaian terhadap data kajian yang ingin dikaji mengikut masalah kajian dan objektif kajian yang telah dinyatakan. Pada peringkat kedua, data yang dianalisis dicatat semula untuk mengkategorikan leksikal atau beberapa frasa sindiran dengan tujuan untuk memudahkan pemberian makna dengan cara menghubungkaitkannya dengan makna denotatif dan konotatif. Pada peringkat akhir, makna denotatif dan konotatif yang terdapat pada teks SB dibandingkan dan diuraikan dengan menggunakan Teori Ogden dan Richards (1923).

Pengumpulan Data

Teks SB secara khusus mengenai lebih berat badan dan kurang berat badan dalam dialek Melayu Brunei (DMB) dan bahasa Inggeris (BI) diambil daripada aplikasi Instagram daripada akaun @natartsya. Hal ini dikatakan demikian kerana teks dalam aplikasi instagram lebih banyak mengandungi pencampuran bahasa.

Pengklasifikasian dan Pengkategorian

Pengklasifikasian teks SB dilakukan dalam bentuk jadual, diikuti oleh pengkategorian leksikal kepada makna denotatif dan konotatif berlandaskan tiga komponen daripada Teori Ogden dan Richards (1923), iaitu simbol, konsep dan rujukan.

- (i) Pengkategorian dilakukan menerusi pemaparan jenis makna denotatif dan konotatif.
- (ii) Rujukan, iaitu pemilihan leksikal.
- (iii) Konsep, bahagian ini menghuraikan makna denotatif dengan merujuk kamus. Pemberian makna abstrak bagi menerangkan makna konotatif dilakukan menggunakan pendekatan semantik kognitif. Tujuan penggunaan pendekatan semantik kognitif ini adalah untuk memaknai makna konotatif, iaitu makna selain makna asal (denotatif) berdasarkan pemahaman dan pengalaman sendiri. Semantik kognitif ialah pendekatan yang mengambil kira pengalaman lalu dan sekitaran.

Data Kajian

Analisis data dilakukan berdasarkan objektif kajian. Kutipan data dilakukan menerusi kaedah primer kerana data dikumpul dan dipilih secara rawak oleh penyelidik sendiri. Bagi kaedah kedua, data sekunder didapatkan sebagai rujukan dan sokongan dalam kajian ini. Data yang dikumpulkan ialah teks yang telah dikumpul oleh @natartsya, tetapi tidak pernah dikaji.


Korpus data kajian ini tertumpu pada teks SB daripada aplikasi instagram sahaja yang diperolehi melalui akaun @natartsya. Pemilik akaun ini mengumpulkan teks pengikutnya mengenai curahan hati atau bahasa slangnya ialah curhat dan komen negatif mengenai SB tentang kes berat badan berlebihan dan kurang berat badan sahaja. Menurut Howard (2019), maklumat yang diambil daripada media sosial membolehkan penyelidik mengukur bahaya secara empirik (atas dasar pengalaman) yang berkaitan dengan ucapan yang kurang disenangi. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat pada hari ini bergantung pada media sosial lebih daripada itu. Tambahan pula, pengguna media sosial tidak pernah pasif daripada menggunakan setiap jenis media dan pelibatan itu berterusan dan aktif (Salomon, 2017). Kebanyakan teks yang dimuat naik terdiri daripada pencampuran bahasa antara dialek Melayu Brunei (DMB) dengan bahasa Inggeris (BI). Namun begitu, teks SB terdiri daripada DMB sahaja dan dianalisis dalam kajian ini.

Kajian ini hanya memfokuskan dua jenis curahan hati, iaitu teks sindiran tentang lebih berat badan dan teks sindiran tentang kurang berat badan. Teks SB yang dipilih ialah hasil daripada komen yang dimuat naik antara 3 Julai 2022 hingga 15 Julai 2022.

Teori Segi Tiga Semiotik Ogden dan Richards (1923)

Teori Segi Tiga Semiotik Ogden dan Richards (1923) terbina hasil daripada perkembangan teori tentang tanda yang pada mulanya dikemukakan oleh Ferdinand de Saussure. Ferdinand de Saussure melihat semiotik sebagai suatu sistem antara suatu penanda yang dibaca, antaranya sebagai suatu bunyi gambaran atau gantian grafiknya, dengan petanda yang dibaca, antaranya sebagai konsep atau makna. Dengan berdasarkan pemahaman pengkaji, segala tanda dan yang sejenis dengannya sebenarnya amat bersifat neutral. Setiap huruf dan tanda yang terdapat pada teks tidak membawa apa-apa erti melainkan dibaca sebagai penanda yang kemudiannya dihubungkan dengan makna tertentu (petanda) yang terlalu dekat dalam budaya dan sejarah sesebuah masyarakat sebagai pembaca.

Teori Segi Tiga Semiotik diperkenalkan oleh Ferdinand De Saussure (1857–1913) dan dikembangkan oleh Charles Kay Ogden dan Ivor Armstrong Richards tahun 1923. Penyelidik ini menganalisis makna berdasarkan tiga komponen, iaitu konsep, simbol dan rujukan, seperti yang diperlihatkan dalam Rajah 1. Ketiga-tiga komponen ini mempunyai hubungan antara satu dengan lain, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Menerusi penggunaan teori ini, makna dapat diterangkan dari segi komponennya.



Rajah 1 Teori segi tiga semiotik Ogden dan Richard (1923).

Dalam Rajah 1, simbol dan rujukan dikatakan tidak mempunyai hubungan yang langsung. Rujukan mempunyai kaitan dengan konsep, iaitu apa-apa yang ada dalam fikiran seseorang. Simbol pula menggambarkan kata, manakala rujukan merujuk objek atau benda. Menurut Raminah Hj Sabran dan Rahim Syam (1987), simbol berunsurkan kata dan ayat, rujukan merujuk benda, manakala konsep merujuk apa-apa yang ada dalam fikiran.

Sebagai contoh, leksikal **tulang** ialah simbol; tulang manusia atau tulang binatang yang berwarna putih, nipis atau tebal dan keras ialah konsep; dan gambaran bentuk tulang secara nyata ialah rujukan. Dalam hal ini, analisis makna konotatif rujukan bagi leksikal **tulang** tidak menunjukkan hubungan dengan penerangan konsep, tetapi rujukan bagi leksikal **tulang** merujuk bentuk tubuh seseorang yang kurus. Dengan berdasarkan penerangan ini, jelaslah bahawa simbol **tulang** tidak ada kaitan dengan konsep, tetapi mempunyai hubungan yang terus dengan rujukan.

ANALISIS DATA

Bahagian ini memperlihatkan sebahagian daripada analisis data bagi teks sindir badan (SB) lebih berat badan dan kurang berat badan. Data ini diteliti berdasarkan penggunaan leksikal yang mengandungi makna denotatif dan makna konotatif.

Sindir Badan Lebih Berat Badan dengan Makna Denotatif

Terdapat dua leksikal sindir badan yang menggambarkan lebih berat badan dengan makna denotatif yang dibincangkan dalam bahagian ini. Leksikal tersebut ialah *basar* dan *lampuh*.

Basar

Penggunaan leksikal basar ditunjukkan dalam ayat (1) dan ayat (2).

- (1) BMB: "*Pasal **basar badanmu** tu yatah inda mau betian.*"
BMS: "Disebabkan badan awak besar, awak tidak dapat mengandung."
- (2) BMB: "*Nah ... Bediri lagi dapan ku inda ku nampak. Inda sadarkah **badannya basar.***"
BMS: "Tidak sedarkah badan awak sangat besar tambah lagi berdiri di depan saya, saya tidak nampak depan itu."

Simbol, konsep dan rujukan bagi leksikal *basar* ini ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Makna denotatif bagi leksikal *basar*.

Simbol	Konsep	Rujukan	Makna
Leksikal: <i>Basar</i>	BMS: Besar BMB: Basar Makna Kamus BMB: Tidak kecil ukurannya; lebih daripada sedang ukurannya (benda/binatang).	Gambar gajah – besar Gambar tikus – kecil	Denotatif

Terdapat dua teks SB yang telah dikenal pasti seperti yang terdapat dalam ayat (1) dan ayat (2). Makna denotatif bagi leksikal *basar* merujuk suatu benda atau binatang yang tidak kecil ukurannya atau lebih ukurannya daripada ukuran asal.

Lampuh

Penggunaan leksikal *lampuh* ditunjukkan dalam ayat (3) hingga ayat (5).

- (3) BMB: “*Aku pcos jua ... Okay pun pregnant. Limpas setahun trying to conceive, confirm tah pasal ko lampuh tu.*”
BMS: “*Saya PCOS juga ... masih boleh mengandung. Lebih setahun mencuba. Mungkin sebab gemuk.*”
- (4) BMB: “*Bila ta kan kurus ni? Padahal selalu jua buat Exercise apa, bediet apa. Tapi kakal jua masih lampuhnya.*”
BMS: “*Bila boleh kurus? Selalu bersenam, jaga makan tetap juga masih gemuk.*”
- (5) BMB: “*Eh lampuh jua kakimu.*”
BMS: “*Eh, besar juga kaki awak!*”

Simbol, konsep dan rujukan bagi leksikal *lampuh* ini ditunjukkan dalam Jadual 2. *Lampuh* merupakan kata daripada DMB yang bermaksud gemuk. Secara denotatifnya, *lampuh* merujuk fitur badan haiwan atau manusia yang gemuk. Dalam masyarakat Brunei, kata *lampuh* dianggap kasar dan membawa makna negatif.

Jadual 2 Denotatif leksikal *lampuh*.

Simbol	Konsep	Rujukan	Makna
Leksikal: (BMB) <i>Lampuh</i>	Makna <i>Kamus Bahasa Melayu Brunei Edisi Kedua</i> : Gemuk (tentang haiwan atau orang).	Gambar badan yang gemuk.	Denotatif

Sindir Badan Kurang Berat Badan dengan Makna Denotatif

Terdapat satu leksikal sindir badan yang menggambarkan kurang berat badan dengan makna denotatif yang dibincangkan dalam bahagian ini. Leksikal tersebut ialah *kurus*.

Kurus

Penggunaan leksikal *kurus* ditunjukkan dalam ayat (6) hingga ayat (10).

- (6) BMB: “*Kurus jua eh. Siapa tah kan guna tu?*”
BMS: “Awak ni kurus sangatlah, siapa yang mahu awak?”
- (7) BMB: “*Eh ... makin kurus jua. Tinggal tulang gnya. Stress ko kah?*”
BMS: “Eh ... makin kurus juga, seperti tinggal tulang, awak stress?”
- (8) BMB: “*Sudah ko kurus ani, nampak ketuahan tia ko ani.*”
BMS: “Sekarang sudah kurus awak nampak macam orang tua.”
- (9) BMB: “*Kurus banar ko ani. Mun ada angin terabang ni.*”
BMS: “Kurus sangat awak ni. Kalau ada angin boleh terbang.”
- (10) BMB: “*Kurus jua ko. Ambil barangkah?*”
BMS: “Kurusnya awak. Awak ada ambil barang terlarang?”

Simbol, konsep dan rujukan bagi leksikal *kurus* ini dapat dilihat dalam Jadual 3. Makna denotatif bagi leksikal *kurus* berdasarkan *Kamus Bahasa Melayu Brunei Edisi Kedua* ialah kurang berdaging (tubuh badan dan lain-lain), tidak gemuk atau gempal/kecil dan (tentang pokok, tebu dan sebagainya). Walau bagaimanapun, dalam data yang dianalisis, leksikal ini tidak mempunyai makna konotatif kerana dapat difahami dengan mudahnya.

Jadual 3 Makna denotatif bagi leksikal *kurus*.

Simbol	Konsep	Rujukan	Makna
Leksikal: <i>Kurus</i>	Makna <i>Kamus Bahasa Melayu Brunei Edisi Kedua</i> : <ul style="list-style-type: none"> • Kurang berdaging (tubuh badan dan lain-lain). • Tidak gemuk atau gempal • Kecil dan memanjang (tentang pokok, tebu dan sebagainya). 	Gambar badan yang kurus kering dan tinggi, contohnya tumbuhan, seperti seruas tebu yang belum ditebang.	Denotatif

Sindir Badan Lebih Berat Badan dengan Makna Konotatif

Terdapat tiga leksikal sindir badan yang menggambarkan lebih berat badan dengan makna konotatif. Leksikal tersebut ialah *tuhus*, *singgit* dan *kiut*.

Tuhus

Penggunaan leksikal *tuhus* ditunjukkan dalam ayat (11).

(11) BMB: “Hiking saja malar nada jua *tuhusnya* ku liat.”

BMS: “Aku tengok engkau rajin mendaki bukit tetapi masih juga tidak kurang beratan.”

Simbol, konsep dan rujukan bagi leksikal *tuhus* ini ditunjukkan dalam Jadual 4. Makna denotatif *tuhus* menurut *Kamus Bahasa Melayu Brunei Edisi Kedua* ialah makin kempis atau makin berkurang, lazimnya digunakan untuk ukuran bengkak dan paras air. Dalam ayat (11), makna konotatif teks tidak berkaitan dengan makna denotatif, sebaliknya, *tuhus* digunakan sebagai kiasan atau sindiran dalam konteks sindir badan tentang perubahan ukuran badan (daripada gemuk kepada kurus) dan skala berat (daripada berat kepada ringan).

Jadual 4 Makna denotatif dan konotatif bagi leksikal *tuhus*.

Simbol	Konsep	Rujukan	Makna
Leksikal: (BMB) <i>Tuhus</i>	Makna <i>Kamus Bahasa Melayu Brunei Edisi Kedua</i> : <i>Tuhus</i> Makin Kempis atau makin berkurang yang merujuk ukuran bengkak, paras air dan sebagainya.	Gambar air yang berkurangan di dalam mangkuk.	Denotatif
	Makna Abstrak (Pemikiran): <i>Tuhus</i> sering digunakan untuk merujuk air atau ukuran bengkak pada organ atau tubuh kerana sakit/penyakit.	Gambar daripada berbadan besar menjadi ukuran badan yang kecil.	Konotatif
	Kata <i>tuhus</i> dalam data teks merujuk kata “kurus” yang dinyatakan kepada seseorang yang bertubuh besar atau gemuk.		

Singit

Penggunaan leksikal *singgit* ditunjukkan dalam ayat (12).

- (12) BMB: “Eh! *Singit* kereta *setampik ko masuk ah*.”
 BMS: “Eh! Senget sebelah kereta ini sebab kau masuk.”

Simbol, konsep dan rujukan bagi leksikal *singgit* ini dipaparkan dalam Jadual 5. Kata *singgit* (*senget*) berdasarkan *Kamus Bahasa Melayu Brunei Edisi Kedua* bermaksud tidak sama rata atau tidak seimbang letaknya (sebelah tinggi dan yang sebelah lagi rendah); condong; miring; sendeng; dan singit. Makna konotatif pula berlainan daripada makna takrifan, iaitu *singgit* mendeskripsikan keadaan sesuatu benda dengan menyindir berat tubuh (gemuk) seperti ayat (12). Dalam hal ini, penutur bukan benar-benar merujuk keadaan kereta, tetapi menyindir seseorang itu kerana mempunyai berat badan yang berlebihan.

Jadual 5 Makna denotatif dan konotatif bagi leksikal *singit*.

Simbol	Konsep	Rujukan	Makna
Leksikal: (BMB) <i>Singit</i>	BMS: Senget Makna <i>Kamus Bahasa Melayu Brunei Edisi Kedua</i> : Tidak sama rata atau tidak seimbang letaknya (sebelah tinggi dan yang sebelah lagi rendah); condong; miring; sendeng; singit	Gambar dacing yang tidak seimbang kerana sebelah piring dacing diisi oleh batu dan sebelah piring lagi diisi dengan kapas.	Denotatif
Leksikal: (BMB) <i>Singit</i>	Makna Abstrak (Pemikiran): Kata adjektif <i>singit</i> secara amnya hanya mendeskripsikan keadaan sesuatu benda, tetapi mengikut konteks dan keseluruhan teks, kata <i>singit</i> bermaksud ingin memberitahu atau menghina bahawa orang yang ikut bersama duduk di dalam kereta itu mempunyai tubuh yang besar kerana lebih berat badan.	Gambar orang yang gemuk duduk dan akan menyebabkan kedudukan kereta senget sebelah atau miring disebabkan oleh berat badannya.	Konotatif

Kiut

Penggunaan leksikal ***kiut*** ditunjukkan dalam ayat (13).

- (13) BMB: “... *Hehe kiut*”
BMS: “... Hehe comel”

Simbol, konsep dan rujukan bagi leksikal *kiut* ini dapat dilihat dalam Jadual 6. Kata *kiut* berasal daripada kata *cute* dalam bahasa Inggeris yang bermaksud “*appealing in a pretty or endearing way*”. Dengan berdasarkan konteks sendiri badan dalam ayat (13), *kiut* membawa makna konotatif, iaitu menginterpretasikan imej badan seseorang yang berwajah bulat dan mempunyai sosok tubuh yang gemuk dengan ukuran tinggi badan yang pendek/rendah. Ujaran “... *Hehe kiut*” ini dianggap sebagai kiasan untuk ejekan terhadap badan seseorang dengan cara yang halus dan berlapik. Hal ini membawa makna denotatif yang positif untuk makna negatif.

Jadual 6 Makna denotatif dan konotatif bagi leksikal *kiut*.

Simbol	Konsep	Rujukan	Makna
Leksikal: <i>kiut</i>	Makna Kamus: <i>Cambridge Oxford University:</i>	Gambar anak kecil dengan pipi yang gebu, mata yang besar, dan senyuman yang manis.	Denotatif
Kata asal BI: “ <i>cute</i> ” BM: <i>Comel</i>	<i>Cute:</i> “ <i>Appealing in a pretty or endearing way.</i> ” <i>Kamus Bahasa Melayu BM: Comel</i> <ul style="list-style-type: none"> • Cantik dan menarik (tentang kanak-kanak). • Cantik dan manis (tentang gadis atau wanita kecil molek). • Kecil dan cantik (tentang benda, binatang). 		
	Makna Abstrak (Pemikiran): <i>Kiut</i> menginterpretasikan bahwa seseorang itu mempunyai wajah yang berbentuk bulat mempunyai sosok tubuh yang gemuk dan ukuran tinggi badan yang rendah.	Gambar tubuh yang lebih berisi atau gemuk.	Konotatif

Sindir Badan Kurang Berat Badan dengan Makna Konotatif

Terdapat tiga leksikal sindir badan yang menggambarkan kurang berat badan dengan makna konotatif. Leksikal tersebut ialah *angin terabang*, *papan* dan *tulang*.

Angin Terabang

Penggunaan leksikal *angin terabang* dipaparkan dalam ayat (14).

(14) BMB: “*Kurus banar ko ani. Mun ada angin terabang ni.*”

BMS: “Awak ini kurus sangat. Jika ada angin boleh terbang.”

Simbol, konsep dan rujukan bagi leksikal *angin terabang* ini ditunjukkan dalam Jadual 7.

Jadual 7 Makna denotatif dan konotatif bagi leksikal *angin terabang*.

Simbol	Konsep	Rujukan	Makna
Leksikal: <i>angin terabang</i>	Makna <i>Kamus Bahasa Melayu Brunei Edisi Kedua</i> : <i>Angin</i> : Angin yang bertiup dari sebelah tenggara. <i>Terabang</i> : Melayang atau bergerak di udara dengan menggunakan sayap (bagi tenaga jentera kapal terbang, burung) sesuatu yang ringan dan boleh berterbangan, seperti debu kertas, dedaun.	Gambar angin udara yang menunjukkan pergerakan udara yang disebabkan oleh perbezaan tekanan udara di atmosfera. Gambar objek yang bergerak di udara.	Denotatif
	Makna Abstrak (Pemikiran): Badan yang kurus dianggap ringan seperti kertas dan dianggap akan terbang jika ditiup angin.	Gambar seseorang dengan tubuh yang sangat kurus sehingga boleh diterbangkan oleh angin.	Konotatif

Makna denotatif bagi leksikal *angin* ialah udara yang bergerak, manakala makna bagi leksikal *terabang* ialah melayang atau bergerak di udara. Jika leksikal tersebut bergabung, terhasil makna sindiran yang berkonotasi. Dalam teks sindir badan ini, makna konotatif bagi teks tersebut ialah orang yang kurus dan ringan seperti kertas yang akan terbang jika ditiup oleh angin.

Papan

Penggunaan leksikal *papan* ditunjukkan dalam ayat (15).

(15) BMB: “*Macam papan, cubatah makan.*”

BMS: “Badan awak sama seperti papan, cubalah makan banyak-banyak.”

Simbol, konsep dan rujukan bagi leksikal *papan* ini ditunjukkan dalam Jadual 8.

Jadual 8 Makna denotatif dan konotatif bagi leksikal *papan*.

Simbol	Konsep	Rujukan	Makna
Leksikal: <i>papan</i>	Makna <i>Kamus Bahasa Melayu Brunei Edisi Kedua</i> : Nama benda, iaitu sejenis kepingan kayu yang nipis atau lebar.	Gambar kayu yang leper dan nipis.	Denotatif
	Makna Abstrak (Pemikiran): Tubuh seseorang yang kurus dan tidak lengkung, bahkan hampir rata. Bagi perempuan, tubuhnya seharusnya mempunyai pinggul yang cantik dan ukuran payudara yang ideal. Bagi lelaki, tubuhnya seharusnya mempunyai otot tangan.	Gambar orang yang mempunyai tubuh yang kurus, tinggi dan ramping tanpa banyak lengkungan pada bahagian pinggang atau pinggul.	Konotatif

Kata *papan* digunakan untuk merujuk kepingan kayu yang nipis dan lebar, yang lazimnya digunakan dalam pertukangan atau pembinaan sesuatu. Kata *papan* digunakan dalam konteks sindir badan sebagai makna konotatif, iaitu merujuk tubuh seseorang yang kurus dan ketiadaan lengkung dan pinggul yang cantik. Oleh itu, kata ini digunakan sebagai kiasan untuk menyindir atau mengejek seseorang.

Tulang

Penggunaan leksikal *tulang* dipaparkan dalam ayat (16) dan ayat (17).

(16) BMB: “Eh ... Makin kurus jua. Tinggal *tulang* ganya. Stress ko kah?”

BMS: “Eh ... Makin kurus seperti tinggal tulang. Awak tertekan?”

(17) BMB: “Kurus jua ko macam *tulang* bejalan.”

BMS: “Awak kurus sangat sama seperti tulang/tengkorak bejalan.”

Simbol, konsep dan rujukan bagi leksikal *tulang* ini dipaparkan dalam Jadual 9.

Jadual 9 Makna denotatif dan konotatif bagi leksikal *tulang*.

Simbol	Konsep	Rujukan	Makna
Leksikal: <i>tulang</i>	Makna <i>Kamus Bahasa Melayu Brunei Edisi Kedua</i> : Rangka tubuh manusia, binatang atau tumbuhan dan bahagiannya.	Gambar tulang tanpa daging.	Denotatif
	Makna Abstrak (Pemikiran): Manusia yang berbadan kurus sehingga menampakkan rangka tubuh.	Gambar seseorang yang terlalu kurus sehingga kelihatan rangka dan bentuk tulangnya.	Konotatif

Makna denotatif bagi kata *tulang* dalam ayat (16) dan ayat (17) ialah rangka tubuh manusia, binatang atau tumbuhan dan bahagiannya. Pengkaji mendapati bahawa leksikal *tulang* tersebut mempunyai makna yang berlainan, iaitu gambaran seseorang yang berbadan kurus sehingga

menampakkan rangka tubuh kerana tidak begitu berisi. Seseorang yang bertubuh kurus sehingga kelihatan rangka tulangnya akan digelar sebagai **tulang**. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat membayangkan orang sebegini seperti tulang yang hidup dan berjalan kerana tidak cukup makan atau ada masalah kesihatan.

Pengkategorian dan Perbandingan Leksikal Sindir Badan antara Makna Denotatif dengan Konotatif

Data yang menunjukkan maksud sindir badan ini dikategorikan dan dibandingkan untuk melihat makna sebenarnya. Perbandingan dan pengkategorian ini ditunjukkan dalam Jadual 10.

Jadual 10 Pengkategorian dan perbandingan makna leksikal sindir badan.

Bil.	Leksikal	Denotatif (Makna Kamus)	Konotatif (Makna Abstrak)
1.	Basar	Tidak kecil ukurannya; lebih daripada sedang ukurannya (benda/binatang).	Tidak ada makna konotatif yang diberikan.
2.	Lampuh	Gemuk (tentang haiwan atau orang).	Tidak ada makna konotatif yang diberikan.
3.	Kurus	- Kurang berdaging (tubuh badan dan lain-lain). - Tidak gemuk atau gempal. - kecil dan memanjang (tentang pokok, tebu dan sebagainya).	Tidak ada makna konotatif yang diberikan.
4.	Tuhus	Makin kempis atau makin berkurang yang merujuk ukuran bengkak, paras air dan sebagainya.	Tuhus sering digunakan untuk merujuk air atau ukuran bengkak pada organ atau tubuh kerana sakit/penyakit. Kata Tuhus dalam data merujuk kata “kurus” yang dinyatakan kepada seseorang yang bertubuh besar atau gemuk.

sambungan **Jadual 10** Pengkategorian dan perbandingan makna leksikal sindir badan.

Bil.	Leksikal	Denotatif (Makna Kamus)	Konotatif (Makna Abstrak)
5.	Singit	Tidak sama rata atau tidak seimbang letaknya (sebelah tinggi dan yang sebelah lagi rendah); condong; miring; sendeng; singit.	Kata adjektif Singit/senget secara amnya hanya mendeskripsikan keadaan sesuatu benda, tetapi mengikut konteks dan keseluruhan teks, kata singit/senget bermaksud apabila orang yang gemuk duduk dan akan menyebabkan kedudukan kereta senget sebelah atau miring disebabkan oleh berat badannya.
6.	Kiut	<p><i>Cambridge Oxford University: Cute: "Appealing in a pretty or endearing way."</i></p> <p><i>Kamus Bahasa Melayu BM: Comel</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - Cantik dan menarik (tentang kanak-kanak). - Cantik dan manis (tentang gadis atau wanita kecil molek). - Kecil dan cantik (tentang benda, binatang). 	kiut: Menginterpretasikan seseorang yang mempunyai wajah yang berbentuk bulat dengan sosok tubuh yang gemuk dan badan yang rendah.
7.	Angin terabang	<p>Angin: angin yang bertiup dari sebelah tenggara.</p> <p>Terabang: Melayang atau bergerak di udara dengan menggunakan sayap (bagi tenaga jentera kapal terbang, burung) sesuatu yang ringan dan boleh beterbangan, seperti debu kertas, dedaun.</p>	Angin terabang menggambarkan seseorang dengan tubuh yang sangat kurus sehingga boleh diterbangkan oleh angin.

sambungan **Jadual 10** Pengkategorian dan perbandingan makna leksikal sindir badan.

Bil.	Leksikal	Denotatif (Makna Kamus)	Konotatif (Makna Abstrak)
8.	<i>Papan</i>	Nama benda, iaitu sejenis kepingan kayu yang nipis atau lebar.	Seseorang yang mempunyai tubuh yang kurus dan tinggi dan bentuk badannya tidak ada lengkungan pada bahagian pinggang dan pinggul.
9.	<i>Tulang</i>	Rangka tubuh manusia, binatang atau tumbuhan dan bahagiannya.	Manusia yang berbadan kurus sehingga menampakkan rangka tubuh

Dengan berdasarkan Jadual 10, makna denotatif merujuk definisi literal atau objektif yang terkandung dalam kamus bagi setiap perkataan. Makna konotatif pula merujuk makna tambahan yang dibawa oleh kata tersebut dalam konteks sosial, budaya atau perasaan, yang dapat memberikan kesan positif, negatif atau neutral, bergantung pada penggunaannya.

Dalam kes ini, dapat dilihat bahawa perubahan makna konotatif boleh memberikan nuansa emosi atau kritikan terhadap tubuh atau keadaan seseorang, manakala makna denotatif adalah lebih objektif dan fizikal.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dengan berdasarkan hasil penelitian teks SB dalam Instagram, leksikal yang mengandungi makna konotatif lebih banyak digunakan berbanding dengan leksikal yang mengandungi makna denotatif. Teks SB ini menggunakan bahasa kiasan sebagai tanda menyindir agar tidak terlalu kasar dalam berbahasa. Penggunaan leksikal yang mengandungi makna konotatif ini lebih kelihatan sopan ketika berkomunikasi.

Terdapat beberapa kajian yang menyatakan hal yang sama bahawa pemakaian makna konotatif yang lebih berkias mempunyai makna yang lain daripada makna denotatif seperti dalam kajian Mary Fatimah Subet

dan Muhammad Zaid Daud (2018). Hal ini disokong oleh Haji Jahri Haji Abd Lamit (1995) yang menyatakan bahawa masyarakat Melayu Brunei sering berkomunikasi secara berlapik atau secara tidak langsung. Hal ini dikatakan demikian kerana cara tersebut ialah cara terbaik bagi penutur untuk menyinggung perasaan lawan tutur.

Penggunaan leksikal yang maknanya timbul daripada imaginasi ini dinyatakan oleh Suhardi seperti yang dinyatakan dalam Fadhilatun Nisa dan Ika Febriani (2022), iaitu makna konotatif diertikan sebagai makna yang tidak nyata (makna kiasan/figuratif) atau makna yang timbul daripada imaginasi penulis atau pengarang dengan khayalannya. Sebagai contoh, walaupun leksikal **tulang** bermaksud rangka tubuh manusia, binatang atau tumbuhan dan bahagiannya, makna konotatifnya lebih merujuk manusia yang berbadan kurus sehingga menampakkan rangka tubuh. Makna konotatif ini wujud berdasarkan khayalan dan imaginasi masyarakat.

KESIMPULAN

Dengan pengaplikasian Teori Segi tiga Semiotik oleh Ogden dan Richards (1923), pengkaji berjaya menghuraikan, mengkategorikan dan membandingkan perbezaan antara makna denotatif dengan makna konotatif teks SB. Secara keseluruhannya, teks SB ini banyak menggunakan bahasa kiasan/figuratif apabila menyindir seseorang. Hal ini dapat diperhatikan menerusi penggunaan leksikal **tuhus**, **singit** dan **kiut** untuk menyindir orang yang berbadan gemuk dan penggunaan leksikal **angin terabang**, **papan** dan **tulang** untuk menyindir orang yang berbadan kurus. Dalam masa yang sama, terdapat juga penggunaan leksikal yang bertujuan menyindir orang lain secara terus-terang, seperti **basar** dan **lampuh** untuk menyindir orang yang gemuk dan leksikal kurus untuk menyindir orang yang kurus.

PENGHARGAAN

Pengarang ingin merakamkan penghargaan kepada pihak Program Bahasa Melayu dan Linguistik Universiti Brunei Darussalam kerana memberikan peluang dan kepercayaan, serta sokongan sepanjang penulisan dan penyediaan makalah ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Nurul Hazanah Haji Morsidi: Konsep dan reka bentuk kajian, penyediaan makalah akhir, pengumpulan data, analisis data, penginterpretasian data semakan, pengesahan makalah akhir, penghantaran manuskrip akhir dan pembetulan manuskrip akhir; Mardina Hj Mahadi: Menambah input dan membantu penyuntingan dalam proses penambahbaikan makalah.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia daripada pengarang koresponden atas permintaan.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Abdul Chaer. (2013). *Pengantar semantik bahasa Indonesia*. Rineka Cipta.
- Aini Nurhayati & Nuril Jadidah. (2022, 22 Januari). Analisis makna denotatif dan konotatif dalam novel *Dua Barista* karya Najhaty Sharma (Kajian Semantik). *Jurnal PENEROKA: Kajian Ilmu Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 2(1), 17–31. <https://doi.org/10.30739/peneroka.v2i1.1355>
- Alwafa Shandy Hermawan & Rini Damayanti. (2022). Semiotika dalam lirik lagu *Interaksi* karya Tulus. *Cakrawala Indonesia*, 7(1), 50–56. <https://doi.org/10.55678/jci.v7i1.658>
- Binkert, P. J. (2003). *Linguistic analysis: Lecture notes and workbook for lin180*. Oakland University.
- Bintang Pradewo. (2018). Berita Daerah 966 kasus body shaming ditangani polri, begini ledakan yang dilaporkan. <https://www.jawapos.com/berita-sekitar-anda/0133637/966-kasus-body-shaming-ditangani-polri-begini-ledakan-yang-dilaporkan>
- Brewis, A. A., & Bruening, M. (2018). Weight shame, social connection, and depressive symptoms in late adolescence. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 15(5), 891. <https://doi.org/10.3390/ijerph15050891>
- Dwi Retno Sari. (2019). *Pesan moral dalam film pendek #Wanitabesi produksi Pantene Malaysia analisis semiotika Roland Barthes* [Skripsi sarjana yang

- tidak diterbitkan]. Universitas Islam Negeri Sunan Ampel. <https://www.scribd.com/document/514304571/PESAN-MORAL-DALAM-FILM-PENDEK-WANITABESI-PRODUKSI-PANTENE-MALAYSIA-Analisis-Semiotika-Roland-Barthes>
- Eco, U. (2004). *History of beauty*. Rizzoli International Publications, Inc.
- Fadhilatun Nisa & Ika Febriani. (2022). Makna konotasi pada takarir instagram Khofifah Indar Parawansa. *Jurnal Ilmu Sastra dan Linguistik*, 23(1), 22–31. <https://doi.org/10.19184/semiotika.v23i1.24659>
- Fatimah Djajasudarma. (2008). *Semantik 2: Pemahaman ilmu makna* (ed. ke-3). Refika.
- Haji Jahri Haji Abd Lamit. (1995). *Bahasa tersirat dalam bahasa Melayu Dialek Brunei: Satu tinjauan ringkas dari sudut semantik dan pragmatik* [Latihan ilmiah yang tidak diterbitkan]. Universiti Brunei Darussalam.
- Kamus bahasa Melayu Brunei edisi kedua*. (2010). Dewan Bahasa dan Pustaka. Aman Abadi Sdn. Bhd.
- Khairunnisa Lubis, M. Ichasan Ardhian, Dina Ulva Jelita Rumahorbo & Frinawaty Lestarina Barus. (2021). Makna konotasi dan denotasi dalam lirik lagu ‘Himalaya’ karya Maliq D’essentials. *Jurnal Lingua Susastra*, 2(2), 57–66.
- Manovich, L. (2017). *Instagram and contemporary image*. https://www.academia.edu/download/54564167/Instagram_Book_Manovich.pdf
- Martínez-González, M. B., Pérez-Pedraza, D. C., Alfaro-Álvarez, J., Reyes-Cervantes, C., González-Malabet, M., & Clemente-Suárez, V. J. (2021). Women facing psychological abuse: How do they respond to maternal identity humiliation and body shaming? *International Journal of environmental research and public health*, 18(12), 6627. <https://doi.org/10.3390/ijerph18126627>
- Mary Fatimah Subet & Muhammad Zaid Daud. (2018). Makna denotatif dan konotatif dalam slanga pelacur. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(1), 29–43. <https://doi.org/10.31219/osf.io/gw926>
- McCusker, K. M., & Gunaydin, S. (2014). Research using qualitative, quantitative or mixed methods and choice based on the research. *Sage Journal*, 30(7), 537–542. <https://doi.org/10.1177/0267659114559116>
- Melati Dodo Manting & Amalia Djuwita. (2021). Semiotika Roland Barthes dalam penelitian analisis body shaming pada filem *Imperfect*. Dlm. *eProceedings of Management*, 8(4). 4142–4148. <https://jitl.web.id/index.php/management/article/view/1540>
- Merry Lahama. (2017). Makna konotatif dalam lirik-lirik lagu populer karya band The Script (Analisis semantik). *Jurnal Elektronik Fakultas Sastra Universitas Sam Ratulangi*, 1(3). <https://ejournal.unsrat.ac.id/v3/index.php/jefs/article/view/16545>
- Mimi Sofiah Ahmad Mustafa, Ida Rahayu Mahat, Mohd Ab Malek Md Shah, Nor Aishah Mohd. Ali, Rosilawati Sultan Mohideen & Sulaiman Mahzan.

- (2022). The awareness of the impact of body shaming among youth. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(4), 1096–1110.
- Mohd Ab Malek Md Shah, Sulaiman Mahzan, Siti Fairuz Nurr Sadikan, Mohd Harun Shahudin & Nurul Aina Johari. (2021). Polemik ‘body Shaming’ di Malaysia: Suatu analisis awal. *International Journal Of Social Science Research*, 3(1), 67–74. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijssr/article/view/12818>
- Muhammad Hasbullah Ridwan. (2021). Analisis tindak tutur antara penjual dan banyuwangi (kajian pragmatik) tahun 2020. *Jurnal PENEROKA: Kajian Ilmu Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 1(1), 1–25. <https://doi.org/10.30739/peneroka.v1i01.726>
- Natartsya [@natartsya]. (n.d). posts [Instagram profile]. Instagram. <https://instagram.com/natartsya?igshid=YmMyMTA2M2Y=>
- Ogden, C. K., & Richards, I. A. (1923). The meaning of meaning. Harcourt Brace Jovanovich. (Original published London: Kegan Paul.) <https://core.ac.uk/download/147829438.pdf>
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka. <https://prpm.dbp.gov.my/>
- Raminah Hj. Sabran & Rahim Syam. (1985). *Kajian bahasa*. Fajar Bakti.
- Rina Devianty. (2017). Bahasa sebagai cermin kebudayaan. *Jurnal Tarbiyah*, 24(2), 226–245. <http://dx.doi.org/10.30829/tar.v24i2.167>
- Robinson, A., Bonnette, A., Howard, K., Ceballos, N., Dailey, S., Lu, Y., & Grimes, T. (2019). Social comparisons, social media addiction, and social interaction: An examination of specific social media behaviors related to major depressive disorder in a millennial population. *Journal of Applied Biobehavioral Research*, 24(1). <https://doi.org/10.1111/jabr.12158>
- Salomon, I., & Brown, C. S. (2019). The selfie generation: Examining the relationship between social media use and early adolescent body image. *The Journal of Early Adolescence*, 39(4), 539-560. <https://doi.org/10.1177/0272431618770809>
- Santje Iroth & Olivia Sasioba Wote. (2023). *The meaning of Mane’e speech analysis of local wisdom*. <https://www.atlantis-press.com/article/125983949.pdf>
- Sari Ines Puspita. (2017). *A semiotic study of denotative and connotative meaning in the movie “Beauty and the Beast* [Tesis sarjana yang diterbitkan, Universiti Darma Persada]. Repository Universitas Darma Persada.
- Sindir Badan/“Body Shaming”. (2021, 22 Januari). <https://www.linkedin.com/pulse/sindir-badan-body-shaming-muhammad-hanaf-haron/>
- Surya Ananda Fitriana. (2019). *Dampak body saming sebagai bentuk kekerasan terhadap perempuan* [Tesis yang diterbitkan, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah]. Institutional Repository UIN Syarif Hidayatullah.

- Tamia Rindi Antika, Nurmada Ningsih & Insi Sastika. (2020). Analisis makna denotasi, konotasi, mitos pada lagu *Lathi* karya Weird Genius. *Jurnal Sastra*, 9(2). <https://jurnal.unimed.ac.id/2012/index.php/ajs/article/view/20582/14408>
- Tri Fajariani Fauzia & Lintang Ratri Rahmiaji. (2019). Memahami pengalaman body shaming pada remaja perempuan. *Interaksi Online*, 7(3), 238–248.
- Tuti Mariana Damanik. (2018). *Dinamika psikologis perempuan yang mengalami body shame* [Skripsi yang diterbitkan, Universitas Sanata Dharma]. Repository Universitas Sanata Dharma.
- Wardhaugh, R. (1977). *Introduction to linguistics*. University of Toronto.